

Isnin, September 29, 2003

Tuntutan Hak Milik

Dokumen in bertujuan untuk mengakui bahawa saya, **Charles Wesley Faires**, telah menuntut hak milik bintang-bintang **Alnilam**, **Alnitak**, dan **Mintaka**, tiga bintang yang membentuk **Jaluran Orion**, termasuk kesemua sistem planet yang wujud dalam sistem graviti ketiga-tiga bintang ini.

Asas untuk Hak Milik

Perjanjian Bulan 1967 yang ditandatangani oleh Kerajaan U.S. dan Russia, bersama beberapa negara anggota U.N., menyatakan bahawa kerajaan-kerajaan yang terlibat dalam perjanjian tersebut tidak boleh menuntut hak milik untuk jasad-jasad di angkasa lepas.

"Angkasa lepas, termasuk bulan dan jasad lain, tidak boleh diambil dengan hak kedaulatan, dengan kaedah penggunaan atau penjajahan, atau melalui apa-apa kaedah lain" (**Artikel 2**)

Ini tidak menyebut sebarang perkara tentang **individu**. Maka, asas pemilikan saya ialah bahawa tiada kerajaan mana-mana negara boleh **menolak** tuntutan pemilikan saya. Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah bukan kerana maka this boleh meluluskan undang-undang ke atas warganegara negara-negara anggotanya.

Nota: Charles Wesley Faires menukar penggunaan orang pertama dan orang ketiga sepanjang dokumen ini. Sila abaikannya.

Pemilikan Menetapkan

1. Seperti yang disebut sebelum ini, bintang-bintang **Alnilam**, **Alnitak** dan **Mintaka**, yang termasuk dalam "**Buruj Orion**" di galaksi Bima Sakti. Ini termasuk keseluruhan jasad bintang tersebut, dan **kesemua cahaya yang terpancar** dari mereka seperti yang dibincang dalam para 4.

2. Untuk mengelakkan sebarang kesilapan, dalam keadaan yang mana terdapat buruj lain atau bintang-bintang yang diberi nama yang sama, denotasi astronomi yang sempurna untuk bintang-bintang ini ialah seperti berikut:

(bermula bahagian yang membosankan)

* Kesemua bintang adalah secara anggaran, 20 kali jisim matahari.

	Alnitak	Alnilam	Mintaka
Jarak (tahun cahaya)	800	1340	915
Nama saintifik	Zeta Orionis	Epsilon Orionis	Delta Orionis
Nomnor Katalog SAO	132444	132346	132220
Katalog Henry Draper	37742	37128	36486
Nombor Harvard Revised (HR)	HR 1948	HR 1903	HR 1852
Kecerahan Visual	2.05	1.77	2.23
Kelas Spektrum	O9.7Ib	B0Ia	O9.5II
Mikraj Kanan	5h40.758m	5h36.216m	5h32.007m
Selisih Sudut	-1° 56.567'	-1° 12.117'	0° 17.950'

* *Mintaka dan Alnitak adalah sebahagian daripada sistem bintang kembar berteman. Bermaksud mereka terdiri daripada lebih daripada satu bintang. Bermaksud, penuntutan hak milik merangkumi lebih daripada 3 bintang. Tetapi jangan kita bertumpu terhadap itu sahaja. Saya akan merujuk kepada bintang-bintang tersebut, seperti yang dirujuk oleh ahli astronomi sebagai satu. Jadi, sebarang sebutan Mintaka dan Alnitak bermaksud termasuk kesemua bintang kembar berteman sekali.*

(Akhir Bahagian Membosankan)

3. Sebarang sistem planet bintang-bintang ini. Ini termasuk sebarang jasad satelit bintang-bintang **Alnilam, Alnitak dan Mintaka**. Ini termasuk sebarang jasad satelit yang mengorbit planet-planet disana. Jika wujud sistem planet berkembar, yang mana sebuah planet mempunyai dwi orbit mengelilingi salah satu bintang ini dan satu bintang diluar pemilikan **Charles Wesley Faires**, planet tersebut akan berada di bawah pemilikan saya sepanjang ia dianggap berada dalam pengaruh utama tarikan graviti **Alnilam, Alnitak** atau **Mintaka**.

4. Sebarang cahaya yang bersinar dari bintang-bintang ini. Melalui ini, saya tidak menuntut milik cahaya yang akan dilihat oleh seseorang pada malam **September 29, 2003**. Photon yang dapat dilihat oleh di bumi sekarang, terpancar sebelum tarikh ini dan maka sebelum pemilikan saya. Tetapi, semenjak photon yang dipancar selepas tarikh ini adalah di bawah pemilikan saya, **Encik Faires**, maka ia dianggap bahawa, memandangkan bintang terjauh adalah lebih kurang 1350 tahun cahaya, dan terma "tahun cahaya" bermaksud jarak cahaya bergerak dalam setahun, kesemua cahaya yang dilihat dari bintang ini pada dan selepas tarikh **September 29, 3353** adalah dimiliki secara mengikut undang-undang oleh **Encik Faires**. Masyarakat Bumi akan dapat melihat cahaya dari Jaluran Orion dengan percuma tanpa tanggung jawab perundangan.

Hakcipta 2003, 2004 Charles Wesley Faires. Kesemua Hak Cipta Terpelihara.

Pemilikan TIDAK termasuk:

1. Ruang angkasa di antara bintang-bintang atau planet yang teletak dalam sistem 3 bintang ini.
2. Sebarang planet 'terapung bebas' yang biasa dijumpai di Buruj Orion.
3. Sebarang planet dalam sistem dwi orbit, seperti yang diberitahu sebelumnya, kepada yang mana sebuah bintang selain daripada bintang yang dimiliki saya dianggap mempunyai tarikan graviti didominasi oleh bintang lain.
4. **Nebula Orion.** Saya tidak mahu dikaitkan dengan awanan debu bodoh ini. Orang selalu terkeliru antara Jaluran Orion dan Nebula Orion. Ia bukannya benda yang sama. Nebula Orion adalah bodoh.
5. Roh orang Arab zaman dahulu. Biar saya terangkan. Orang Arab zaman dahulu mempercayai bahawa syurga adalah di kawasan langit di mana Jaluran Orion terletak. Memandangkan ada orang menjadi marah ke atas saya kerana ini, biar saya nyataka semula: **Tiada Roh.**

Kenyataan Niat

Saya tidak bercadang untuk mengeksploitasi masyarakat dunia ini atau mana-mana dunia lain di alam semesta ini. Saya tidak bercadang langsung untuk menjual cahaya atau photon yang datang dari bintang-bintang tersebut, tetapi saya mungkin akan menjual plot tanah di sana. Atau mungkin akan mewasiatkannya kepada anak-anak saya. Saya tidak pasti lagi. Namun, tiada peruntukan dalam mana-mana perlembagaan oleh sebarang kerajaan negara di Bumi telah, selama ini mempunyai pemilikan terhadap ketiga-tiga jasad semawi ini yang telah saya tuntutan, yang **bermaksud tiada sesiapa boleh menghalang pemilikan saya.** Jika terdapat entiti dari 'dunia lain' mempunyai masalah dengan ini, saya ingin bersemuka dengan...apa-apa yang mereka adam Kerana ia adalah Menarik! Tetapi, oleh kerana ia tidak mungkin berlaku, saya mungkin akan memulakan kerajaan sendiri mengelilingi ketiga-tiga bintang ini. Jika saya memilih untuk berbuat demikian, maka gelaran saya akan menjadi **InterGalactic MixMazzter.** Ini akan dibincangkan dalam dokumen akan datang jika saya bercadang berbuat demikian. Dan, mungkin saya akan berbuat demikian.

Peruntukan

Walaupun tiada kerajaan mempunyai kuasa pada masa sekarang ke atas pemilikan yang dituntut di sini, salinan dokumen ini telah dihantar ke:

1. Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
2. Presiden Amerika Syarikat
3. Kerajaan Rusia, dengan ditujukan kepada presiden mereka
4. Persekutuan Astronomi Antarabangsa
5. Institut Penuntutan Angkasa Archimedes
6. Pejabat Hak Cipta Amerika Syarikat

Hakcipta 2003, 2004 Charles Wesley Faires. Kesemua Hak Cipta Terpelihara.

Hakcipta 2003, 2004 Charles Wesley Faires. Kesemua Hak Cipta Terpelihara.

Hal-hal Perundangan

1. Dokumen ini disahkan secara undang-undang pada _____ dengan pangkat _____
2. Dokumen ini didaftar secara atas talian di **Institut Penuntutan Angkasa Archimedes** pada May 13, 2004. Nombor pendaftaran **d20040513111325**.
3. Dokumen ini telah difailkan di **Pejabat Hak Cipta Amerika Syarikat**. Betul, saya mempunyai hak cipta. Jadi, jangan anda cuba memiliki Jaluran Orion. Ia milik saya. Saya mempunyai sijil pendaftaran hak cipta, jadi lihat di dalam Library of Congress jika anda tidak percaya pada saya.
4. Dokumen ini telah difailkan di pejabat harta milik dan surat ikatan Knox County. Bukti untuk ini dapat dilihat pada muka hadapan dan pada bar-kod pada dasar selang setiap mukasurat.
5. **Yang ini adalah penting.** Saya nyatakan seperti ini: Apabila tiba masa menulis wasiat, saya akan memberikan ini kepada sesiapa yang saya mahu. Jika saya mati **sebelum** menyampaikan ini kepada sesiapa, kakak saya, **Janell Nicolle Faires** akan mendapat pemilikan sulung untuk kesemua tuntutan saya.

Janell Nicolle Faires

6. Dalam pada itu: Pada Oktober 2003, saya ada dalam berita untuk ini. WBIR (Saluran 10) di Knoxville, Tennessee membuat satu program ke atas saya untuk rancangan 'Live at Five' mereka. Sila tanya mereka. Pekara ini telah ada dalam rangkaian udara sekarang. Cuba teka? Kepada mereka yang berfikir seseorang tidak dapat memiliki sesuatu yang mereka tidak dapat sentuk, cuba lakukan ini dalam fikiran anda:

SAYA —>>> Kamera —>>> Kaset —>>> Siaran —>>> Rangkairan Udara —>>>

Angkasa

* Tidak melakukan matematik untuk ini, tetapi saya rasa anda mula memahami saya. Tuntutan oleh Charles Wesley Faires, dalam bentuk pancaran elektrik, akan sampai ke Jaluran Orion sebelum sesiapa menuntutnya. Dan sebelum sebarang robot. Hanya kerana saya orang pertama dengan 'penuh berani' untuk mencuba.

7. Dokumen ini diserahkan di Mahkamah Persekutuan

Tarikh

Hakim/ Mahkamah

Keputusan

Hakcipta 2003, 2004 Charles Wesley Faires. Kesemua Hak Cipta Terpelihara.

Hakcipta 2003, 2004 Charles Wesley Faires. Kesemua Hak Cipta Terpelihara.

8. Orang-orang penting lain yang telah disampaikan dokumen ini:

9. Tuntutan Pemilikan yang telah disebut ini ke atas Alnilam, Alnitak dan Mintaka, satelitnya dan cahaya yang terpancar dari bintang-bintang ini telah dinyatakan melalui dokumen ini pada **September 29, 2003** oleh **Charles Wesley Faires**. Garis panduan untuk tindakan masa hadapan telah dinyatakan dalam dokumen ini. Ia telah di semak semula dan diedit oleh **Charles Wesley Faires** pada September 21, 2004. Tiada pihak lain mengambil bahagian dalam penghasilan dokumen ini, dan **Charles Wesley Faires** adalah pemilik sah tunggal ketiga-tiga bintang yang telah disebut sebelum ini yang menjadi sebahagian dari **Jaluran Orion**. Oh ya!



Charles Wesley Faires

Hakcipta 2003, 2004 Charles Wesley Faires. Kesemua Hak Cipta Terpelihara.